

**Ucapan alu-aluan Datuk Dr. Chamil Wariya, selaku Pengerusi Malam Wartawan Malaysia 2023 pada jam 8.30 malam, bertempat di Hotel Majestic Kuala Lumpur, pada 9 Jun 2023. Tetamu kehormat MWM 2023 ialah Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim**

Assalamualaikum, salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam Malam Wartawan Malaysia.

YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia selaku tetamu kehormat Malam Wartawan Malaysia 2023

YB Tuan Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital Malaysia

Yang Berusaha Puan Liza Mustapha, Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan PETRONAS

YB Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital Malaysia

YBhg Datuk Hussamuddin Yaacub, pendiri Kumpulan Media Karangkraf

YBhg Datuk Henry Lau Lee Kong, pembangun See Hua News

Encik Rafiq Razali, Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad

Tokoh-tokoh Wartawan Negara dan para wartawan veteran yang lain

Para pemimpin media

Ketua-ketua pengarang

Para pengarang

Para penyumbang dan penaja Malam Wartawan Malaysia 2023

Tetamu-tetamu jemputan

Para wartawan yang kita raikan

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian

Kepada semua selamat datang ke Malam Wartawan Malaysia 2023 – MWM 2023

Alhamdulilah dan rasa syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga dapat kita semua berada di dewan ini pada malam ini untuk sama-sama menjayakan MWM 2023.

Majlis ini pertama kali diadakan 42 tahun lalu iaitu pada 16 September 1981 dan ia telah dianjurkan secara berterusan sejak itu untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) yang diperkenalkan pada tahun 1980.

HKM diperkenalkan dengan tiga tujuan utama – pertama memberi hadiah kepada para wartawan yang menghasilkan tugas yang cemerlang tanpa mengira bahawa karya-karya digarap; kedua, untuk meningkatkan mutu kewartawanan dan ketiga, untuk menggambarkan usaha wartawan dalam memaklummatkan khalayak, meliputi semua media massa- cetak dan elektronik dan sekarang, digital.

Matlamat tersirat HKM adalah menyemarakkan dan menyuburkan kewartawanan beretika dan bertanggungjawab dengan menjunjung prinsip-prinsip kewartawanan yang mulia – antaranya menghasilkan karya-karya pelaporan yang berteraskan kebenaran dan ketepatan fakta dan maklumat; meminimumkan kemudaratuan, bertimbang rasa serta dapat memberi pencerahan kepada khalayak mengenai isu-isu dan peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka.

Kelahiran HKM pula dimodelkan kepada hadiah kewartawanan Pulitzer atau Pulitzer Prize yang terdapat di Amerika Syarikat. Bezanya cuma, hadiah wang tunai kepada para pemenang Pulitzer dibiayai oleh wang yang diwasiatkan oleh jutawan yang bernama Joseph Pulitzer.

HKM pula ditaja oleh PETRONAS dan sebelum itu, syarikat pembuat rokok, MTC. Sejak 1994 HKM ditaja oleh PETRONAS. Pada mulanya tajaan Petronas bernilai sebanyak RM70 ribu; kemudian dinaikkan kepada RM100,000 dan mulai 2007 hingga sekarang sebanyak RM300,000 setahun.

Sebut pasal Pulitzer Prize, baru-baru ini dilaporkan ada tiga orang wartawan asal Malaysia yang bekerja dengan media Amerika Syarikat pernah memenangi Pulitzer Prize ini – Mei Fong pada tahun 2007; Edmund Yong pada 2021 dan wartawan foto, Marcus Yam pada tahun 2022. Tentunya kita turut berbangga dengan kejayaan mereka.

Kembali kepada HKM MPI PETRONAS, bagi edisi 2022, MPI menerima sebanyak 368 penyertaan pelbagai karya kewartawanan untuk dihakimi, berbanding 350 bagi tahun 2021. Sebentar lagi, 45 karya yang dihasilkan secara individu atau berkumpulan akan diangkat sebagai pemenang – pemenang emas, pemenang perak dan pemenang gangsa.

Pemenang emas menerima hadiah wang tunai RM10 ribu, pemenang perak RM1500 dan pemenang gangsa, RM1000. Karya terbaik pula diangkat sebagai Hadiah Kajai dan membawa pulang RM30 ribu.

Saya juga ada berita baik untuk para wartawan bahawa PETRONAS bersetuju untuk menaja HKM untuk tempoh tiga tahun lagi mulai tahun hadapan, dengan kategori yang bertambah untuk penyertaan radio dan televisyen. Butirannya akan diumumkan kemudian.

Saya ingin tegaskan bahawa MPI selaku penganjur, tiada pengaruh dalam memilih para pemenang. Sebaliknya siapa yang menang ditentukan secara merit oleh sebuah panel hakim yang terdiri daripada para wartawan veteran yang tidak lagi berkhidmat dengan mana-mana organisasi media dan ahli-ahli akademik dalam bidang kewartawanan, media dan komunikasi.

Sekiranya hadiah kepada para pemenang ditaja oleh PETRONAS, penganjuran Malam Wartawan pula dibiayai oleh para penyumbang dan pembeli meja yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, badan-badan korporat dan organisasi media.

Bagi MWM 2023, sebanyak 51 entiti tampil menghulurkan sumbangan dan tajaan masing-masing. Selari dengan tata kelola yang baik, senarainya direkodkan dalam buku program MWM 2023 yang diedarkan kepada para tetamu. Tahun-tahun sebelumnya juga MPI telah berbuat demikian.

Kepada semua penaja dan penyumbang, saya mengucapkan berbanyak terima kasih. Tanpa sumbangan dan tajaan anda, Malam Wartawan ini tentulah tidak dapat diadakan semeriah malam ini.

Tentunya pada kesempatan ini saya juga ingin menyatakan penghargaan MPI kepada pimpinan editorial organisasi media yang sejak dulu sampai sekarang tidak serik-serik untuk menggalakkan para wartawan masing-masing menyertai HKM MPI PETRONAS.

Malah saya tahu ada organisasi media yang menjadikan kemenangan dalam HKM sebagai KPI atau Indeks Prestasi Utama bilik berita masing-masing. Tanpa penyertaan mereka yang meningkat saban tahun bagi 17 kategori yang dipertandingkan, Malam Wartawan juga tidak akan ada. Sekali lagi terima kasih.

Bolehlah saya rumuskan bahawa model MWM yang berteraskan tiga tunjang iaitu penyertaan karya para wartawan, kesediaan PETRONAS menaja HKM dan kesudian badan-badan korporat dan agensi-agensi kerajaan menghulurkan sumbangan adalah kunci atau rahsia di sebalik kejayaan MPI menganjurkan MWM dan HKM secara berterusan selama 42 tahun.

Akhir sekali sebelum mengundur diri, bagi pihak MPI, saya ingin merekodkan penghargaan dan terima kasih:

Kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, MPI berbesar hati atas kesudian beliau hadir sebagai tetamu kehormat, menyampaikan pesan sebentar lagi serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang utama.

Saya juga ingin memanjangkan penghargaan ikhlas dan mendalam saya kepada semua tetamu jemputan yang terdiri daripada:

- Menteri Komunikasi dan Digital Malaysia, YB Fahmi Fadzil, Timbalan Menteri YB Teo Nie Ching dan pegawai-pegawai kanan KKD termasuk KSU dan TKSU.
- Para pemilik dan pemimpin media sama ada yang bergelar pengurus, pengarah utusan, ketua-ketua pegawai eksekutif, ketua-ketua pengarang, pengarang kumpulan serta para wartawan media di alam nyata dan alam maya,
- para ahli akademik bidang media, kewartawanan dan komunikasi
- dan sahabat korporat yang menyumbang dan menaja Malam Wartawan Malaysia 2023
- Kepada DRB HICOM BERHAD saya ingin merekodkan penghargaan kerana menaja ole-ole untuk dibawa pulang oleh para tetamu iaitu sekaki payang lipat, di samping menaja RM40,000 untuk menaja MWM 2023.

Bagi pihak tim pelaksana MPI yang diketuai oleh Puan Norhafiza Kamaludin, Ketua Pentadbiran Pengurusan Acara, saya menyusun sepuluh jari, memohon maaf bagi apa juga kekurangan dan kelemahan dalam penganjuran Malam Wartawan Malaysia 2023.

Sekian wabillahitaufikwalhidayah wasalamualaikum warahmatullah hiwaboraktuh.

**DATUK DR. CHAMIL WARIYA**

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysian Press Institute (MPI)